

BN tidak amal paksaan agama

BH 25 MAR 1994

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah yang baru dibentuk tidak akan memaksa rakyat bukan Islam di negeri itu supaya memeluk Islam.

"Kerajaan negeri di bawah BN tidak berada di sana untuk memaksa mereka supaya memeluk Islam, sebaliknya berusaha melaksanakan dasar pentadbiran yang adil terhadap rakyat berbilang kaum dan agama di negeri itu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang sarjana antarabangsa selepas menyampaikan ucapan dasar sempena perasmian bangunan baru Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini, hari ini.

Sarjana berkenaan, Naib Presiden Persatuan Sains Sosial Amerika Syarikat, Dr Fathi Othman, bertanya mengenai perkembangan di negeri Sabah yang mempunyai masyarakat berbilang kaum dan usaha mewujudkan toleransi beragama.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan BN terdahulu yang cuba memak-

sa penganut agama Jain seperti Kristian masuk Islam dengan alasan Kerajaan Pusat kuat, adalah menyalahgunakan kuasa yang ada.

Sambil mengakui rakyat negeri itu banyak beragama Islam, beliau menegaskan kerajaan negeri yang baru tidak sekali-kali berhasrat memaksa mereka menerima atau memeluk Islam.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata perlantikan Ketua Menteri Sabah secara bergilir dalam tempoh dua tahun sekali adalah salah satu usaha mewujudkan keseimbangan antara rakyat berbilang agama dan kaum di negeri itu.

Perdana Menteri berkata, ia juga membuktikan manifestasi Kerajaan Pusat untuk berlaku adil terhadap rakyat.

"Kerajaan tidak boleh bertindak mengasingkan agama dan politik kerana nilai agama tetap berpengaruh dan diperlukan dalam menjalankan urusan pentadbiran," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, beliau berkata secara keseluruhannya rakyat Malaysia memahami betapa pentingnya mem-

elihara toleransi dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum.

Menurutnya, kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang cuba meniup dan memainkan sentimen perkauman.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga prihatin dalam usaha membina dan mewujudkan toleransi seperti membenarkan pembinaan rumah ibadat bagi mana-mana kumpulan agama.

"Di Kuala Lumpur sendiri yang menjadi ibu negara Malaysia dan Islam diiktiraf sebagai agama rasmi negara, rumah ibadat seperti gereja dan kuil dapat dilihat di mana-mana saja dan kadangkala lebih banyak daripada masjid.

"Mereka mempunyai hak terhadap agama masing-masing asalkan jangan mengganggu urusan penganut agama lain," katanya.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri menegaskan walaupun mempunyai rakyat berbilang kaum, mereka dapat hidup dalam suasana aman seperti yang ditunjukkan

dalam amalan makan semeja.

"Di kalangan tiga kaum terbesar iaitu Melayu yang tidak makan babi manakala Cina suka kepada makanan itu dan India yang tidak makan daging lembu, boleh duduk semeja untuk makan bersama.

"Di bulan puasa, penganut bukan Islam bersamasama dengan rakan mereka yang beragama Islam bersama-sama menikmati hidangan berbuka puasa," katanya.

Seorang peserta pula bertanya mengenai keadaan polarisasi kaum di pusat pengajian tinggi yang disifatkannya makin buruk dan membimbangkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memang menyedari perkembangan itu dan mengakui ia adalah perkara yang sukar diatasi kerana ada kumpulan tidak bersikap toleran terhadap pihak lain.

"Pelajar Melayu di bidang perubatan misalnya enggan menyentuh pesakit bukan Melayu," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Ikim akan mengambil usaha tertentu untuk mengatasi masalah itu.